

KUTKM tubuh institut pengurusan teknologi

Archival News | Berita Harian | 05/06/2004

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia(KUTKM), Ayer Keroh, Melaka menubuhkan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) bagi meningkatkan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), sekali gus melahirkan pengurus berketerampilan dalam pengurusan teknologi dan keusahawanan.

Dekan IPTK, Prof Dr Salleh Yahya, berkata pusat itu menawarkan program akademik peringkat pasca ijazah dalam bidang berkaitan kemahiran ikhtisas yang berteraskan amali dan aplikasi bagi membantu negara mencapai hasrat menjadi negara maju tahun 2020.

"Institut ini boleh menjadi pusat serantau bagi menyokong aktiviti pembangunan industri kecil dan sederhana yang mempunyai rangkaian bertaraf dunia, selain membantu penubuhan pusat inkubator bagi membolehkan pengendalian syarikat spin off pada masa depan.

"Idea ini sebagai menyahut saranan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Salleh yang meminta institusi pengajian tinggi awam mengkaji semula penawaran kursus supaya sesuai dengan pasaran kerja agar graduan yang lahir mempunyai kemahiran nilai tambah (value-added)," katanya.

Prof Dr Salleh berkata, ketika ini bidang keusahawanan yang berteraskan teknologi banyak ditawarkan oleh IPT antarabangsa seperti di United Kingdom, Amerika Syarikat dan beberapa negara maju.

"IPTK sentiasa berusaha membentuk sahsiah pelajar menjadi pengusaha atau setidak-tidaknya peniaga berjaya dengan menerap program yang dirancang, termasuk dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta syarikat.

"Antara program sarjana yang ditawarkan ialah Sarjana Sains Pengurusan Teknologi, Sarjana Sains Keusahawanan dan Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia, manakala di peringkat doktor falsafah (PhD) pula ialah Pengurusan Teknologi, Keusahawanan, Pembangunan Sumber Manusia dan Kualiti Pengurusan selain program R&D, Program Khidmat Perundingan dan Profesional serta Program Latihan dan Pembangunan Keusahawanan", katanya

Seramai 23 pelajar mengikuti program sarjana dan tujuh lagi PhD yang memulakan pengajian bulan ini.

(END) Source : Berita Harian